

09 SEP 2003

Mohamed-BN

SAMBUTAN 50 TAHUN BN BERTERASKAN KONSEP KONGSI KUASA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan menyambut ulang tahun ke-50 penubuhannya bertemakan "Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia" pada 20 Sept ini di Stadium Merdeka di sini.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata konsep perkongsian kuasa yang diamalkan selama 50 tahun telah membolehkan rakyat Malaysia hidup aman damai serta menikmati kemajuan.

Acara sambutan gilang gemilang itu yang bakal disertai 50,000 orang, akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN pada pukul 2 petang dan akan disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM), katanya.

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat bersama setiausaha-setiausaha BN negeri di sini hari ini.

Mohamed berkata sambutan ulang tahun BN itu juga akan diadakan di peringkat negeri dalam tempoh enam bulan bermula daripada pelancarannya.

"Penekanan kepada konsep kongsi kuasa itu adalah untuk mengingatkan orang ramai tentang kejayaan konsep itu yang telah mewujudkan perpaduan nasional, keamanan dan kestabilan dalam negara serta pelbagai kejayaan besar yang dicapai," katanya.

Mohamed berkata pada sambutan di peringkat nasional, selain Dr Mahathir, kesemua pemimpin parti komponen yang mula-mula bergabung untuk menubuhkan Perikatan dan kemudian BN, akan turut berucap.

Mereka terdiri daripada Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Velly, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud bagi mewakili parti-parti komponen BN di Sabah dan Sarawak, katanya.

Beliau berkata antara acara yang akan diadakan ialah perbarisan 14 parti komponen BN, ikrar dan acara menaikkan bendera.

-- BERNAMA

HK MUN LAT